Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

SOROTAN

- MPC mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 1.75% semasa mesyuarat MPC bulan Januari 2021 kerana MPC menyifatkan pendirian dasar monetari adalah wajar dan akomodatif.
- Bank melanjutkan fleksibiliti kepada institusi perbankan untuk menggunakan MGS dan MGII bagi memenuhi keperluan SRR sehingga 31 Disember 2022.

OPR kekal akomodatif

Pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee,* MPC) pada bulan November 2020 dan Januari 2021, Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate,* OPR) dikekalkan pada 1.75%.

MPC menilai bahawa ekonomi global terus mengalami pemulihan walaupun penularan semula kes COVID-19 dan langkah-langkah pembendungan yang dilaksanakan seterusnya telah menjejaskan aktiviti ekonomi di beberapa ekonomi utama. Pelaksanaan program pemvaksinan secara meluas yang dipercepatkan dan bersama-sama dengan sokongan dasar yang berterusan dijangka meningkatkan prospek pertumbuhan global. Prospek pertumbuhan akan terus bergantung pada risiko pertumbuhan ekonomi menjadi lebih rendah, terutamanya jika jangkitan COVID-19 menular semula dan inokulasi secara meluas ditangguhkan.

Bagi Malaysia, meskipun pertumbuhan jangka pendek pada tahun 2021 akan dipengaruhi oleh pelaksanaan semula langkah pembendungan yang lebih ketat, trajektori pertumbuhan negara diunjurkan bertambah baik mulai suku kedua dan seterusnya. Keadaan yang bertambah baik ini akan didorong oleh permintaan global yang kembali pulih, perbelanjaan sektor awam dan swasta yang meningkat semula berikutan sokongan yang berterusan daripada langkah-langkah dasar serta pengeluaran yang lebih tinggi daripada fasiliti perkilangan dan perlombongan yang sedia ada dan baharu. Pemberian vaksin pada bulan-bulan yang akan datang juga akan meningkatkan sentimen. Risiko terhadap prospek pertumbuhan menjadi rendah berpunca terutamanya daripada ketidakpastian yang berterusan mengenai pandemik dan cabaran yang mungkin dihadapi yang boleh menjejaskan pemberian vaksin di dalam dan di luar negara.

Purata inflasi keseluruhan pada tahun 2021 diunjurkan lebih tinggi. Hal ini disebabkan terutamanya oleh harga minyak dunia yang dijangka lebih tinggi. Inflasi asas diunjurkan kekal rendah dalam keadaan lebihan kapasiti yang berterusan dalam ekonomi. Walau bagaimanapun, prospek ini bergantung pada perkembangan harga minyak dunia dan komoditi.

MPC menyifatkan pendirian dasar monetari adalah wajar dan akomodatif. Pengurangan OPR sebanyak 125 mata asas secara kumulatif pada tahun 2020 akan terus merangsang ekonomi. Berikutan keadaan pandemik yang terus tidak menentu, pendirian dasar monetari pada masa hadapan akan terus ditentukan oleh data dan maklumat baharu serta kesannya kepada prospek keseluruhan inflasi dan pertumbuhan dalam negeri. Bank Negara Malaysia terus komited untuk menggunakan alat-alat dasarnya yang bersesuaian bagi mewujudkan keadaan yang menyokong pemulihan ekonomi yang berterusan.

Bank melanjutkan fleksibiliti kepada institusi perbankan untuk menggunakan MGS dan MGII bagi memenuhi keperluan SRR

Pada 20 Januari 2021, Bank mengumumkan pelanjutan fleksibiliti bagi institusi perbankan menggunakan Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities,* MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Investment Issues,* MGII) bagi memenuhi pematuhan Keperluan Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirement,* SRR) sehingga 31 Disember 2022. Fleksibiliti ini yang telah diumumkan pada 5 Mei 2020, akan tamat selepas 31 Mei 2021. Nisbah SRR kekal tidak berubah pada 2.00%.

Keputusan untuk melanjutkan fleksibiliti ini merupakan sebahagian daripada usaha Bank Negara Malaysia yang berterusan untuk memastikan mudah tunai adalah mencukupi bagi menyokong aktiviti pengantaraan kewangan. Sejak bulan Mac 2020, pengurangan nisbah SRR sebanyak 100 mata asas dan fleksibiliti untuk menggunakan MGS dan MGII sebagai sebahagian daripada pematuhan SRR telah menambah kira-kira RM46 bilion mudah tunai ke dalam sistem perbankan.

SRR merupakan instrumen untuk menguruskan mudah tunai dan bukan menandakan pendirian dasar monetari. OPR adalah satu-satunya penunjuk yang digunakan untuk memberikan isyarat mengenai pendirian dasar monetari dan diumumkan melalui Pernyataan Dasar Monetari yang dikeluarkan selepas mesyuarat MPC.